

20 AUG 1996  
Fadzil-Umno  
PAS TOLAK PELAWAAN SERTAI UMNO

KOTA BAHARU, 20 Ogos (Bernama) -- Pas hari ini menolak pelawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua anggotanya menyertai Umno kerana ia berpendapat itu tidak akan menjamin perpaduan Melayu.

Presiden Pas Fadzil Noor berkata cadangan supaya Pas dibubar dan anggotanya menyertai Umno secara beramai-ramai tidak sepatutnya ditimbulkan sekarang kerana Umno sendiri menghadapi masalah dan "bukan semua anggota Umno bersatu".

"(Cadangan sertai Umno) itu perkara dah lama, Perdana Menteri sudah suruh banyak kali... parti bebal macam S46 (Parti Melayu Semngat 46) bolehlah buat tapi kita bukan parti bebal, kita ada prinsip dan ada vision (wawasan) kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin Pas negeri di sini.

Semalam Dr Mahathir yang juga Presiden Umno meminta Pas supaya mencontohi langkah S46 menyertai Umno kerana selama inipun parti itu tidak memperjuangkan agama Islam.

Fadzil berkata Pas pada masa ini tidak perlu untuk memikirkan hasrat untuk menyertai Umno kerana parti pimpinannya itu "semakin kuat dan tidak seperti S46 iaitu parti bankrap yang terpaksa dibubarkan dan menyertai Umno".

Beliau juga menyifatkan saranan Perdana Menteri itu sebagai satu sindiran kepada pemimpin S46 yang akhirnya terpaksa menyertai semula Umno.

Ditanya saranan Dr Mahathir supaya Pas menyertai perjuangan kumpulan yang lebih besar seperti Umno, Fadil berkata: "Umno pun bukan besar sangat, dia besar sebab dia join (sertai) Barisan Nasional (BN)".

Ketika ditanya mengapa Pas masih berkeras dan enggan menyertai Umno, beliau berkata Pas masih ingat kenyataan Dr Mahathir dahulu yang memperkecilkan kehadiran Pas sewaktu parti berada dalam BN.

"Dulu beliau (PM) pernah kata Pas dalam BN pun orang Melayu tak bersatu juga... (tetapi) dalam Umno pun bukan bersatu," kata beliau.

Pas pernah menyertai BN pada 1974 tetapi keluar pada 1987.

Ketika didesak sama ada Pas akan cuba mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung cadangan itu, beliau berkata ianya tidak akan diberi perhatian dan tidak akan berlaku.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa Pas yang menerajui kerajaan negeri Kelantan akan terus berkuasa walaupun kini terpaksa berhadapan dengan kumpulan pembangkang yang lebih kuat terdiri daripada gabungan Umno dan S46. -- BERNAMA

RAR MAI